

Jadi relawan kerana minat



BERI SUMBANGAN: Encik Adzfar (*kanan*) bersama Encik Ian Lim yang juga membantu dalam menganjurkan Sidang Khidmat Kewangan Islam itu. – Foto TAUFIK A. KADER

“Dengan mendapatkan rangkaian kenalan saya yang muda, saya dapat meneroka peluang tersembunyi dan individu yang mempunyai pandangan sama seperti saya dalam melihat prospek cerah bagi kewangan Islam. Saya berharap untuk menyertai industri ini.”

– Encik Mohammad Adzfar Mohammad Alami.

MINAT yang berputik dalam industri kewangan Islam sewaktu masih menuntut di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) telah mendorong Encik Mohammad Adzfar Mohammad Alami untuk menyumbang tenaga sebagai sukarelawan dalam Sidang Khidmat Kewangan Islam (IFSC).

Malah, pemuda berusia 26 tahun yang baru lulus dalam jurusan Undang-Undang itu mendapati masa hadapan industri kewangan Islam amat cerah dan berharap untuk menyertai industri yang berkembang pesat itu.

Selain beliau, seorang lagi pelajar turut membantu dalam menganjurkan sidang itu secara aktif iaitu Encik Ian Lim, pelajar tahun dua Universiti Kolej London.

“Semasa saya di SMU, saya bekerja sambil belajar di salah sebuah syarikat yang terlibat dalam kewangan Islam. Saya menjadi minat dan mula membaca banyak buku berkaitan kewangan Islam, bukan sahaja bahan yang memaparkan pandangan positif mengenai kewangan Islam, bahkan juga pandangan pengkritik agar dapat mempunyai pandangan objektif dan adil mengenai industri itu secara keseluruhan.

“Selepas lulus dari SMU, saya ditanya jika berminat untuk menganjurkan IFSC dan tidak mahu melepaskan peluang itu,” ujar Encik Adzfar.

Dalam menganjurkan IFSC yang

akan diadakan pada 1 Oktober di Hotel Orchard, Encik Adzfar terlibat antara lain dalam aspek perancangan, logistik dan akademik bagi projek itu. Ia termasuk mendapatkan sokongan pihak ketiga dan bekerja sama dengan pihak pembekal dan penganjur.

“Dengan mendapatkan rangkaian kenalan saya yang muda, saya dapat meneroka peluang tersembunyi dan individu yang mempunyai pandangan sama seperti saya dalam melihat prospek cerah bagi kewangan Islam. Saya berharap untuk menyertai industri ini,” jelas Encik Adzfar, yang merupakan anak presiden bukan eksekutif Majlis Tertinggi Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Haji Alami Musa.

Berdasarkan penglibatannya sejauh ini, beliau mendapati kesedaran mengenai kewangan Islam adalah lebih tinggi dari dijangkakan. Namun, kebanyakan mereka hanya mengetahui asas-asas kewangan Islam tanpa menyelidik lebih mendalam kerana maklumat diperlukan amat terbatas.

Malah, beliau berpendapat produk kewangan Islam boleh wujud dalam rangka kerja undang-undang di Singapura sekarang.

“Jika kita menyesuaikan produk itu dengan syarat yang ada sekarang, kita dapat memberikan orang Islam dan bukan Islam di Singapura satu alternatif selain sistem kewangan konvensional bagi menguruskan harta mereka,” tambahnya lagi.